

edisi 2024

BULETIN PKD KULAI



keprihatinan kesihatan,
kesejahteraan komuniti





Penaung

Dr. Mohd Anwar Shahrir Bin Ahmad

Ketua Editor

Dr. Nuzidah Binti Jumaat

Editor

Dr. Naffisah Binti Othman

Dr. Nur Liyana Binti Md. Raduwan

Dr. Muhammad Alimin Bin Mat Reffien

Info Grafik

Mohd Tarmizi Bin Mohd Najib

Mohd Osman Bin Kamaluddin

AKTIVITI PENERAPAN NILAI MURNI

3

AKTIVITI DAN PROGRAM KESIHATAN

8

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

19

**PROJEK PEMBANGUNAN & PENGURUSAN
FASILITI**

20

LAWATAN YAB MENTERI BESAR JOHOR

21

PROGRAM BERSAMA DAERAH

22

INDEX

Tinta Kata

KETUA EDITOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah SWT, saya bersyukur kerana Buletin PKD Kulai Tahun 2024 dapat diterbitkan dan disampaikan kepada para pembaca khususnya warga PKD Kulai.

Dalam edisi kali ini, kami tampilkan sorotan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2024 melibatkan program kesihatan bersama masyarakat dan pembangunan modal insan di kalangan anggota PKD Kulai. Setiap peristiwa ini pastinya menjadi kenangan dan catatan sejarah di PKD Kulai. Ia melambangkan komitmen dan usaha organisasi dalam memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dalam suasana kerja yang berintegriti dan lebih harmoni.

Tahun 2024 telah melabuhkan tirainya, tahun 2025 disambut dengan penuh harapan dan semangat. Walaupun pelbagai cabaran telah kita hadapi namun kejayaan yang dicapai adalah hasil kesungguhan, komitmen dan azam yang kukuh dari seluruh warga PKD Kulai. Kejayaan yang dikecapi ini adalah hasil usaha kita bersama.

Sidang redaksi buletin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua unit di PKD Kulai atas Kerjasama yang sangat bernilai dalam menyediakan maklumat berkaitan aktiviti yang dilaksanakan. Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang telah memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buletin ini.

Saya mewakili sidang redaksi Buletin PKD Kulai 2024 memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam edisi kali ini. Kami berharap agar para pembaca berpuas hati dalam kandungan yang disediakan.

Salam hormat

Dr. Nuzidah Binti Jumaat
Ketua editor
Buletin PKD Kulai 2024

Sekapur Sireh

PEGAWAI KESIHATAN DAERAH KULAI



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita telah dapat menerbitkan Buletin Tahun 2024 bagi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kulai. Buletin ini dihasilkan bagi merekodkan pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan di sepanjang tahun 2024. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang pengarang yang telah bersatu tenaga untuk menghasilkan Buletin PKD Kulai 2024 ini.

Tahun 2024 menyaksikan pelaksanaan pelbagai program kesihatan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada masyarakat setempat tetapi juga kepada anggota PKD Kulai. Aktiviti-aktiviti bertemakan sambutan hari khas kesihatan berjaya dilaksanakan dan telah menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kesihatan, meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan, serta memperkukuhkan kerjasama antara sektor kesihatan dan masyarakat. Usaha sebegini amat penting dalam memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat akses kepada maklumat dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Selain itu, PKD Kulai juga telah memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota kesihatan melalui pelaksanaan Program Nilai-Nilai Murni. Program ini sangat penting dalam membentuk budaya kerja yang lebih profesional, beretika, dan berintegriti dalam kalangan kakitangan kesihatan. Kejayaan sektor kesihatan bukan sahaja diukur dari segi perkhidmatan yang diberikan, tetapi juga melalui sikap dan nilai yang diamalkan oleh setiap individu dalam organisasi ini.

Dengan pencapaian yang telah kita raih, saya menyeru kepada semua warga PKD Kulai agar kita bersama-sama menjaga momentum kejayaan ini dan memaksimumkan usaha untuk mencipta langkah yang lebih besar ke hadapan. Diharapkan dengan perkongsian aktiviti dan program jabatan ini akan memberi motivasi kepada seluruh warga PKD Kulai untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang lebih gemilang.

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan program-program ini, termasuklah kakitangan kesihatan, rakan strategik, serta masyarakat yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang padu. Komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh semua pihak menjadi pemangkin kepada kejayaan sistem kesihatan daerah Kulai.

Akhir kata, saya berharap agar buletin ini dapat menjadi sumber inspirasi dan rujukan kepada kita semua dalam usaha berterusan untuk meningkatkan taraf kesihatan masyarakat. Semoga kita terus bersemangat dan komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

DR. MOHD ANWAR SHAHRIR BIN AHMAD
Pegawai Kesihatan Daerah Kulai
Pejabat Kesihatan Daerah Kulai



PROGRAM IMARAH RAMADAN DAN SYAWAL

28 Mac 2024 – PROGRAM KHATAM AL-QURAN DAN MAJLIS BERBUKA PUASA

PKD Kulai telah menganjurkan program Khatam Al-Quran dan Majlis Berbuka Puasa bersama anggota. Majlis telah dihadiri seramai lebih kurang 70 orang dan telah dipimpin oleh Pegawai Agama yang dijemput khas dari Pejabat Kadi Daerah Kulai. Program ini telah dimeriahkan dengan aktiviti memasak bubur lambuk hasil daripada sumbangan ikhlas warga PKD Kulai dan Kelab Penyayang pada sebelah pagi dan diikuti dengan edaran bubur lambuk kepada semua warga PKD Kulai dan Pejabat Pergigian Daerah Kulai. Program Imarah Ramadan diadakan pada setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan penghayatan ibadah puasa dan membudayakan bacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian. Selain memperbaiki aspek kerohanian, program ini juga dapat mengukuhkan silaturrahim di kalangan anggota.



4 April 2024 – PROGRAM SUMBANG KASIH RAMADAN

Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, Dr Mohd Anwar Shahrir Bin Ahmad telah melapangkan masa untuk turun ke padang bagi menjayakan Program Sumbangan Kasih Ramadan. Pemberian sumbangan berupa beg mengandungi makanan kering seperti beras, minyak, gula dan keperluan asas lain hasil daripada sumbangan ikhlas warga PKD Kulai. Sebanyak 18 beg sumbangan telah diberi kepada warga PKD Kulai yang sangat memerlukan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang memberi sumbangan ikhlas dalam menjayakan Program Imarah Ramadan.



PROGRAM IMARAH RAMADAN DAN SYAWAL

9 Mei 2024 – SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT PKD KULAI

Program Sambutan Hari Raya peringkat PKD Kulai telah diadakan di perkarangan Klinik Kesihatan Kulai Besar. Program ini merupakan perjumpaan bersama seluruh anggota bagi mengeratkan hubungan dan perpaduan di kalangan warga PKD Kulai. Setiap unit menyumbangkan makanan dan minuman sempena Hari Raya dan diceritakan lagi dengan pertandingan Booth Raya Terbaik dan pertandingan Nyanyian Lagu Hari Raya. Hampir sebahagian warga PKD Kulai hadir menjayakan majlis yang meriah ini.



PROGRAM BULAN SUKAN PKD SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA



Program Bulan Sukan PKD diadakan pada setiap dua tahun sekali. Tahun 2024 program ini membuka tirai dengan pertandingan sukan bermula pada bulan Julai dan berakhir pada bulan 12 Oktober 2024. Pelbagai aktiviti sukan dipertandingkan seperti badminton, bola tampar, futsal, bola jaring, indoor games, snooker, bowling dan sukaneka. Acara kemuncak sukan diadakan bersempena Hari Sukan Negara pada Oktober 2024 di Padang Sekolah Kebangsaan Kulai 1. Acara dimeriahkan dengan sukaneka dewasa dan kanak-kanak serta pertandingan perbarisan mengikut rumah pasukan. Program penutup telah dirasmikan oleh YB Puan Teo Nie Ching Ahli Parlimen Kulai dan dihadiri seramai hampir 300 orang. Selain meningkatkan tahap kesihatan fizikal, kecerdasan minda juga dapat dipertingkatkan malah dapat menggalakkan persaingan sihat di kalangan anggota.



PERTANDINGAN BADMINTON



PERTANDINGAN BOLA TAMPAR



PERTANDINGAN FUTSAL



PERTANDINGAN BOWLING



PERTANDINGAN SNOOKER



Program Apresiasi Kecemerlangan

5 JANUARI 2025, HOTEL RAMADA, MERIDIN JOHOR BAHRU – Program Apresiasi Kecemerlangan Anggota PKD Kulai telah diadakan bersama Gala Night PKD Kulai 2024. Acara ini telah dihadiri seramai hampir 140 orang untuk meraikan anggota-anggota yang telah memberi perkhidmatan dengan cemerlang. Sebanyak 9 anugerah khas penyampaian perkhidmatan terbaik, 15 anugerah Role Model Budaya Korporat dan 10 anugerah aspirasi anggota telah diangerahkan kepada anggota yang terpilih. Majlis turut meraikan tiga orang anggota yang bersara sebagai kenangan dan penghargaan jasa dan bakti semasa mereka berkhidmat di PKD Kulai. Program ini juga merupakan platform terbaik untuk mengukuhkan hubungan silaturrahim di kalangan semua anggota di pelbagai peringkat dan jawatan selain dapat meningkatkan kesihatan minda dan suasana harmoni dalam organisasi.



PROGRAM KARNIVAL JOM KULAI SIHAT SEMPENA JELAJAH ANMS, BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA & SAMBUTAN HARI JANTUNG SEDUNIA PERINGKAT DAERAH KULAI

Program Karnival Jom Kulai Sihat Sempena Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) dan Sambutan Hari Jantung Sedunia 2024 Peringkat Daerah Kulai telah diadakan di Hutan Bandar MPKU, Bandarputra Kulai pada 28 September 2024. Program ini merupakan satu inisiatif di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang sihat Sejahtera dan bertujuan mempromosikan pembudayaan hidup sihat serta persekitaran sihat.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Tuan Wong Bor Yang, ADUN Senai Selaku wakil rasmi Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi Merangkap Ahli Parlimen Kulai. Turut hadir Pegawai Kesihatan Daerah Kulai Dr. Mohd Anwar Shahrir Bin Ahmad, Pegawai Daerah Kulai, Tuan Fizwan Bin Dato`hj.Mohd Rashidi, Yang dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Tuan Haji Mohd Fahmi Bin Salam, Timbalan Ketua Polis Daerah Kulai DSP Mohd Kushairi Bin Abdul Rahman, pegawai-pegawai daerah & Kerajaan serta penduduk sekitar daerah Kulai

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya, Fun Run 5km, J-Robikton, Pertandingan Demo CPR antara KOSPEN dan Agensi, Pertandingan Mewarna, Pocket Talk dan pameran-pameran dari agensi kerajaan dan swasta. Program anjuran bersama Hospital Temenggong Ibrahim Kulai dan Pejabat Pergigian Kulai ini turut disertai Rakan strategik seperti Kelab Kecergasan J.Robik Dataran Cahaya, Hospital KPJ Kluang, National Cancer Society Malaysia (NCSM), Wellness of Wheel (WOW), Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), IPD Kulai, Bomba, Alpro Pharmacy, LCKK eyewear, Organ Donation, dan lain-lain agensi. Program ini telah dikunjungi oleh seramai 590 orang penduduk sekitar Daerah Kulai.

J-ROBIKTON



PERTANDINGAN DEMO CPR

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL JOM SIHAT



PERTANDINGAN MEWARNA




PAMERAN KESIHATAN

FUN RUN

Sempena

Jelajah AMS, Bulan Malaysia Sihat Sejahtera & Hari Jantung Sedunia 2024 Peringkat Daerah Kulai

Funrun 5km sempena Hari Jantung Sedunia telah dimulai dengan senaman ringkas dan dilepaskan oleh Pegawai Kesihatan Daerah Kulai pada pukul 7.30 am dan disertai oleh 300 orang peserta



PROGRAM SAMBUTAN HARI DIABETES PERINGKAT DAERAH KULAI 2024



Program Sambutan Hari Diabetes Peringkat Daerah Kulai telah diadakan di Dewan Mahligai Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, pada 14 November 2024 bermula dari 7.30 pagi dan bersurai pada pukul 2 petang. Program ini merupakan satu inisiatif oleh Multidisciplinary Diabetic Team PKD Kulai dalam usaha meningkatkan kesedaran serta memperkasa pesakit Diabetes dan Keluarga dalam pengurusan Diabetes yang lebih baik di samping menggalakkan pesakit Diabetes menjalani gaya hidup yang lebih aktif.

Program ini telah dirasmikan oleh Dr Muhammad Alimin Bin Mat Reffein, Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi) yang merupakan wakil rasmi Pegawai Kesihatan Daerah Kulai. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan. Antaranya ialah Senamrobik, Fun Walk, Pameran Kesihatan Interaktif, Bual Bicara Bersama Pakar, Peraduan Mewarna antara pesakit Diabetes, Pertandingan Bento Sihat dan Pertandingan Video Tik Tok. Program ini telah dihadiri oleh seramai 80 orang yang terdiri daripada pesakit Diabetes dari kalangan anggota Kesihatan di Klinik Kesihatan daerah Kulai serta pesakit Diabetes dan keluarga di sekitar daerah kulai.





PROGRAM KESIHATAN WARGA EMAS SEJAHTERA

Program Kesihatan Warga Emas Sejahtera dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kulai dengan kerjasama pihak pengurusan Felda Inas dan Pejabat DUN Bukit Permai. Program ini diadakan di Dewan Semai Bakti, Felda Inas pada 30 Jun 2024 dan telah dirasmikan oleh Puan Hjh Nadiah Abs Aziz, Ahli Majlis Zon 7 Majlis Perbandaran Kulai selaku wakil rasmi kepada Dato Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, ADUN Bukit Permai merangkap Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan Pengerusi Yayasan Sejahtera Kulai.



Program yang berlangsung merangkumi pelbagai aktiviti khusus untuk warga emas dan umumnya untuk semua pengunjung yang hadir memeriahkan program. Seramai 182 pengunjung bersama anggota kesihatan yang hadir memeriahkan program ini termasuk penduduk setempat, jemputan dari Pejabat Kebajikan Masyarakat-PAWE, Pejabat Wilayah Felda dan agensi kesihatan seperti KOSPEN dan Panel Penasihat Klinik Kesihatan



BENKEL TRANSFORMASI MINDA DAN BUDAYA KORPORAT 2024

21 & 22 Ogos 2024, Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kluang – Bengkel Transformasi Minda dan Budaya Korporat ini telah dianjurkan oleh Unit Kesihatan Mental dengan kerjasama Unit Budaya Korporat. Tujuan utama bengkel adalah untuk memupuk budaya kerja yang lebih berintegriti dan bertanggungjawab melalui transformasi minda yang lebih positif, proaktif serta mengamalkan nilai-nilai budaya korporat semasa memberi perkhidmatan. Peserta juga dilatih dengan teknik dan solusi dalam pengurusan konflik sebagai persiapan untuk berhadapan dengan pelbagai situasi dan kareneh pesakit. Bengkel telah dirasmikan oleh Pegawai Kesihatan Daerah Kulai.



PROGRAM INTERVENSI MINDA SIHAT SEMENA HARI KESIHATAN MENTAL DAN HARI PENCEGAHAN BUNUH DIRI SEDUNIA

LOKASI: DEWAN SULUH BESTARI, SMK SENAI TARIKH: 6 OKTOBER 2024



LATIHAN KATERING SIHAT

4 Mac 2024 - Latihan Katering Sihat adalah satu latihan yang disasarkan kepada pengusaha dan pengendali restoran, kedai makan, kafeteria, katering serta pengusaha dan pengendali kantin sekolah dan tempat kerja. Latihan ini bertujuan meningkatkan pengetahuan pengusaha dan pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan sihat dan makanan yang selamat. Latihan ini melibatkan 88 orang pengendali makanan di kantin sekolah dan asrama KPM di Pejabat Pendidikan Daerah Kulai.



KURSUS PENGURUSAN LAKTASI

22, 28 Oktober & 4 November 2024 - Kursus Pengurusan Laktasi 20 Jam bertujuan melatih anggota kesihatan untuk menjadi lebih berpengetahuan dan berkeyakinan dalam ilmu Penyusuan Susu Ibu bagi membantu dan menyokong para ibu yang ingin menyusukan susu ibu kepada bayi mereka. Kursus ini juga adalah wajib bagi anggota kesihatan klinikal yang telah berkhidmat dalam tempoh 6 bulan di bahagian Ibu dan Anak serta merupakan syarat wajib (80% anggota kesihatan dilatih) untuk mendapatkan pengiktirafan status Klinik Rakan bayi (KRB).



KEMBARA PEMAKANAN SIHAT DI PASARAYA

28 November 2024 - Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya adalah merupakan salah satu aktiviti di bawah Program Pemakanan Sihat di Pasar Raya yang dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun di Daerah. Aktiviti ini dilaksanakan di pasar raya yang menjadi medium untuk mendidik orang awam mengenai pemakanan sihat dan selamat berpandukan modul yang telah disediakan oleh KKM. Pegawai Sains Pemakanan bertindak sebagai Pemandu Kembara yang akan mengelola aktiviti kepada peserta dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan:

- 5 kumpulan makanan dalam Piramid Makanan Malaysia 2020.
- Konsep Pinggan Sihat Malaysia.
- Membaca dan memahami label serta maklumat pemakanan.
- Memilih makanan yang selamat.

Aktiviti NUTRI RACE & PAMERAN



PROGRAM TRIM & FIT DAERAH KULAI 2024

Program Trim & Fit merupakan intervensi kesihatan dan pengurusan berat badan yang dilaksanakan di tempat kerja menggunakan Modul Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit 2020 daripada KKM. Seramai 25 orang anggota kesihatan PKD Kulai yang menepati kriteria terpilih untuk menyertai program ini. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan kepada peserta:

- Saringan Komposisi Tubuh
- Perasmian Program Trim & Fit dan Aktiviti explore
- Aktiviti Kecergasan Senaman Sihat setiap hari khamis
- Program Kecergasan Badminton
- Mendaki Gunung Pulai
- Island Hopping di kepulauan Mersing

PERKHIDMATAN LOCKER 4U

Perkhidmatan Locker4U merupakan projek Inisiatif Kerajaan Johor telah dirasmikan pada 12/12/2024.

Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan nilai tambah bagi memudahkan pesakit mengambil sambungan bekalan ubat mereka di luar waktu bekerja dan hujung minggu.

Lokasi Locker4U : Tingkat 1 Lotus's Kulai



PERKHIDMATAN UBAT MELALUI POS (UMP)



Penawaran perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) percuma menerusi belanjawan negeri Johor 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB MB Johor.

Peruntukan tambahan RM satu juta bagi membiayai perkhidmatan UMP secara percuma ini.

Perkhidmatan ini ditawarkan di KK Kulai Besar dan KK Kulai

SAMBUTAN HARI FARMASI SEDUNIA 2024

Sambutan Hari Farmasi Sedunia pada 25/9/2024 telah diadakan di KK Kulai Besar dan pada 26/9/2024 di KK Kulai bagi meraikan semua ahli farmasi yang bertanggungjawab menguruskan ubat-ubatan di PKD Kulai



SAMBUTAN HARI TIBI, KUSTA & HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA TAHUN 2024

26 Jun 2024 , Gelanggang berbumbung Taman Desa Idaman

Program ini diadakan setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan komitmen serta sokongan pelbagai pihak terhadap usaha-usaha kawalan dan pencegahan penyakit tibi & kusta yang dilakukan di peringkat daerah kulai di kalangan komuniti.



TEMA SAMBUTAN

Kusta: **"Hentikan Kusta atau Beat Leprosy"**

Tibi : **'Yes! We can end TB!'**

- Tema ini menekankan tentang komitmen kerajaan untuk bersama-sama membanteras penyakit Tibi & Kusta dan mensasarkan kehidupan yang sejahteraan panyakit Tibi & Kusta di masa akandatang.

Hari Tanpa Tembakau Sedunia : **"Lindungi Kanak-Kanak Daripada Pengaruh Industri Tembakau"**.

- Tema ini menekankan tentang pentingnya melindungi generasi sekarang dan akan datang daripada kesan buruk terhadap kesihatan, sosial, alam sekitar dan ekonomi akibat penggunaan rokok dan vape.

PROGRAM TIBI DAN KUSTA SERTA SARINGAN KESIHATAN TAHUN 2024 PERINGKAT DAERAH KULAI

28 Januari 2024 - unit Tibi dan Kusta dan Unit Kesihatan Ibu dan Kanak – Kanak Pejabat Kesihatan Daerah Kulai telah mengadakan Program Tibi dan Kusta serta saringan kesihatan 2024 peringkat Daerah Kulai di Mycare Center For Rohingya Education, Kulai Besar. Program ini telah dihadiri oleh 209 warga asing dari Rohingya termasuk wakil-wakil agensi seperti Mycare, IKRAM Kulai dan Johor Outreach & Community (JOCC). Program ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan komitmen serta sokongan dari pelbagai pihak terhadap usaha-usaha kawalan dan pencegahan penyakit Tibi dan Kusata yang dilakukan di peringkat Daerah Kulai.

Objektif Khusus program ini diadakan adalah seperti berikut:

- 1.Meningkatkan kesedaran tentang penyakit Tibi dan Kusta dikalangan anggota kesihatan, pesakit dan komuniti.
- 2.Meningkatkan aktiviti pengesanan awal dan saringan bagi kes Kusta.
- 3.Mengurangkan stigma masyarakat terhadap penyakit Kusta
- 4.Mengurangkkn penyebaran penyakit Tibi dan Kusta dengan mengelakan jangkitan silang di kalangan anggota kesihatan, pesakit dan komuniti.
- 5.Meningkatkan aktiviti saringan kesihatan terhadap kanak-kanak dan ibu mengandung.
- 6.Meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan awam dikalangan penduduk warga Rohingnya.

Antara aktiviti yang telah dijalankan semasa program ini adalah ceramah berkenaan penyakit Tibi dan Kusta yang telah disampaikan oleh Dr Tahera dari Klinik Handal Senai. Saringan Kusta dan Tibi , saringan asas kesihatan, saringan kesihatan kanak-kanak dan saringan ibu mengandung juga telah dijalankan. Seramai 133 orang telah menjalankan saringan Tibi dan Kusta, 45 orang telah menjalani saringan kanak dan seramai 5 orang telah menjalani saringan ibu mengandung. Selain itu juga pertandingan mewarna untuk anak-anak warga Rohingya dan majlis cabutan bertuah juga telah diadakan



LAWATAN KE PEJABAT KESIHATAN KLIA

Pada 9 Januari 2024, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai telah mengadakan satu lawatan ke Pejabat Kesihatan Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (PK KLIA). Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat aktiviti dan program yang dijalankan oleh PK KLIA, selaku pintu masuk antarabangsa (PMA) utama di Malaysia dalam memastikan kepatuhan kepada International Health Regulations (IHR) 2005. Selain itu, lawatan ini membolehkan perkongsian maklumat dan pandangan dia antara kedua-dua belah pihak mengenai langkah-langkah kawalan penyakit dan kesiapsiagaan di PMA serta mendapatkan idea-idea dalam pengukuhan kawalan penyakit dan kesiapsiagaan yang boleh dan mampu diimplementasikan di PMA Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS). Lawatan ini juga diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan antarabangsa dan profesionalisma para anggota dalam melaksanakan tugas di lapangan.



Sesi Bergambar Bersama Kakitangan PK KLIA yang Diketuai Oleh Dr Mohd Nasir



Kaunter Saringan Pesakit di Hadapan HQC yang Bakal Digunakan



Bilik Rawatan dan Saringan di HQC







Pusat Kuarantin Kesihatan (HQC)



Air Disaster Unit (ADU)


PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

Pada tahun 2024, PKD Kulai telah mengorak langkah ke hadapan dengan kejayaan penghasilan sebanyak 11 projek penyelidikan. Semua projek penyelidikan ini telah dipertandingkan dalam persidangan di peringkat JKN dan Kebangsaan. Ini merupakan usaha yang sangat memberangsangkan malahan mendapat sokongan yang sangat baik dari Ketua Jabatan dalam menggalakkan penghasilan projek penyelidikan dan inovasi pada tahun-tahun yang akan datang.





Family Medicine Conference 2024

Singapore International Dengue Workshop 24 - 28 November 2024, Singapore



Asia Pacific Conference on Public Health 2024



PROJEK PEMBANGUNAN, NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN FASILITI PKD KULAI

Sebanyak lima peruntukan Projek Pembangunan Dan Naiktaraf Fasiliti telah diterima oleh PKD Kulai pada tahun 2024 bagi menambahbaik bangunan dan kemudahan di klinik-klinik terpilih. Selari dengan perkembangan teknologi dan kepesatan penduduk daerah Kulai adalah wajar kualiti perkhidmatan dipertingkatkan dengan menambak dan menaiktaraf kemudahan dan fasiliti sedia ada. Tempat kerja dan persekitaran yang selesa memberikan suasana yang lebih harmoni dan selamat malahan dapat memberi kepuasan kepada pelanggan. Permohonan peruntukan yang sama bagi tahun 2025 akan dilaksanakan bagi tujuan pembaikan fasiliti lain yang memerlukan. Berikut adalah projek pembangunan dan naik taraf yang telah selesai dilaksanakan :

Projek BP00600 : Projek Pembaikan Dan Naik Taraf Klinik Demam di KK Senai



Projek BP00900 : Pembaikan Dan Naiktaraf Kwarters KD Kg Bahagia



Peruntukan Klinik Daif : Projek Naiktaraf KD Inas dan KD Kg Bukit Batu



Projek RMK 12- RP4 : Pembaikan Dan Naiktaraf Bangunan KK Kulai



Projek ICU: Naiktaraf Ruang Menunggu di unit sekolah KK Kulai



LAWATAN MENGEJUT MENTERI BESAR JOHOR YANG AMAT BERHORMAT DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI

KK Kulai telah menerima kunjungan mengejut dari YAB Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi Menteri Besar Johor pada Rabu 24 Julai 2024. Antara perkara yang bincangkan semasa lawatan mengejut beliau adalah;

- Keperluan pembinaan klinik kesihatan baharu bagi mengurangkan kesesakan di Klinik Kesihatan Kulai.
- Kekurangan aset di klinik menyebabkan pesakit tidak menerima perkhidmatan yang optimum, pihak YAB Menteri Besar memperuntukkan 2 unit mesin ultrasound bagi kegunaan pesakit
- Kekurangan aset di Wellness Center bagi perkhidmatan rehabilitasi
- Penambahbaikan infrastruktur seperti kawasan parkir yang terhad dan tidak tersusun serta laluan yang sempit
- Menyediakan peruntukan bagi menggantikan aset yang rosak dan usang seperti kipas dan kerusi untuk memberi keselesaan kepada pesakit



PROGRAM JOHOR BERSIH DAERAH KULAI TAHUN 2024

Persiaran Indahpura 4, Bandar Indahpura, Seramai 5 orang anggota dari Pejabat Kesihatan Daerah Kulai menyertai Program Johor Bersih Daerah Kulai menerusi Program Jalan Angkat. Aktiviti melibatkan pemantauan kebersihan di sekitar kawasan jalan angkat secara bulanan. Setiap sesi peserta disasarkan untuk mengumpul sebanyak 5 kg sampah sarap seperti bekas makanan dan minuman terbuang yang boleh menjadi punca kepada penyakit denggi dan gangguan mahluk perosak. Selain menjaga kebersihan persekitaran anggota juga dapat bergerak cergas dan sihat semasa melaksanakan aktiviti.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH KULAI






PROGRAM KELUARGA ANGKAT DAN BELANJA KASIH JOHOR

Program Keluarga Angkat dan Belanja Kasih Johor adalah salah satu program yang dibentangkan dalam Belanjawan Johor 2024. Program ini bertujuan bagi membantu keluarga dalam kategori miskin tegar untuk keluar dari garis kemiskinan dengan bantuan pemimpin atau pembimbing setempat. Program ini melibatkan dua pengisian utama iaitu melibatkan ziarah kasih dan dapur kasih.

Pejabat Kesihatan Daerah Kulai telah diberi tanggungjawab untuk membimbing dua buah keluarga angkat di daerah kulai. Program ziarah kasih telah dilakukan bagi menyantuni kedua-dua buah keluarga untuk berkenal-kenalan, perbincangan mengenai kesihatan ahli keluarga, sumber ekonomi dan bantuan yang diperoleh bagi kelangsungan hidup semasa lawatan tersebut. Di peringkat pejabat kesihatan juga mengambil pendekatan memantau taraf kesihatan selain daripada membantu keluarga menjana ekonomi keluarga dengan bantuan jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang berkaitan dan akhirnya dapat meningkatkan taraf sosial keluarga mereka. Setiap ahli keluarga juga akan menerima bantuan dari pejabat daerah sebanyak RM100 sebulan bagi perbelanjaan dapur dalam program ini.



**Pejabat Kesihatan Daerah Kulai
No. 21, 22 Jalan Kiambang 2,
Pusat Komersial Indah, Indahpura,
81000, Kulai, Johor**

Tel : 07-6622403 Emel : pkdkulai@moh.gov.my

Dicetak pada : 4 Julai 2025